

Paras air turun

Penduduk masih bimbang air pasang besar



Petugas media terpaksa menaiki sampan untuk melihat keadaan rumah penduduk dengan lebih dekat.

KAMPUNG SUNGAI SIREH

Musibah banjir yang melanda empat kampung, di sini dilaporkan terkawal dan jumlah mangsa di Pusat Penempatan Sementara Balai raya Lorong 6 menurun kepada 20 keluarga berbanding 63 sebelum ini.

Namun, jumlah penduduk yang menetap di Pusat Penempatan Sementara Surau Kuning Blok B Sawah Sempadan pula dilaporkan meningkat kepada 22 keluarga berbanding 15 keluarga sebelum ini memandangkan paras air di kawasan rumah mereka masih belum surut.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kawasan penempatan penduduk di Sawah Sempadan mendapati, Tapak Semaian Benih Padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang turut terjejas, manakala beberapa rumah penduduk berhampiran terusan utama ditinggalkan air hingga satu meter.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan

Kampung Persekutuan (JKKKP) Ampangan, Ramlan Samsure berkata, sehingga semalam, pihaknya dimaklumkan keadaan paras air sedikit menurun daripada 4.54 meter kepada 4.50 meter.

"Tujuh keluarga dilaporkan sudah pulang ke rumah masing-masing apabila dimaklumkan selamat untuk pulang, bagaimanapun ada yang menangguhkan hasrat pulang kerana kawasan halaman rumah tidak boleh dimasuki," katanya.

Berdasarkan maklumat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), air di terusan utama masih belum boleh ditutup, keadaan itu menimbulkan kebingungan kalangan penduduk tentang keadaan banjir di kawasan itu, apatah lagi apabila berlaku air pasang mati yang dijangka petang ini (semalam) dan air pasang besar pada Isnin nanti.

Ramlan berkata, sekiranya keadaan cuaca baik, mungkin paras air statik, namun jika sebaliknya berlaku, tempoh menunggu air surut

akan bertambah menyebabkan aktiviti penduduk terjejas.

Menurutnya, setakat ini tidak timbul isu kecurian harta benda penduduk di rumah yang terpaksa ditinggalkan kerana anggota Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan polis mengambil pendekatan membuat kawalan 24 jam di kawasan rumah mangsa banjir.

"Penduduk yang sudah pulang ke rumah masing-masing dinasihatkan tidak terburu-buru untuk membuat laporan polis mengenai sebarang kerosakan atau kerugian, kenal pasti harta yang hilang atau rosak terlebih dahulu.

"Kita difahamkan, anggota polis menawarkan perkhidmatan untuk pergi ke setiap rumah mangsa banjir untuk mengutip laporan bagi memudahkan penduduk," katanya.

Meskipun paras air menurun, penduduk tetap dinasihatkan agar berwaspada dengan sebarang kemungkinan yang bakal berlaku